

# HOSPITAL KLUSTER PAHANG TENGAH

## VISI

Hospital Kluster adalah gabungan hospital-hospital bagi membentuk satu organisasi yang sentiasa bekerjasama untuk meningkatkan kualiti dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kesihatan berfokuskan keperluan dan kehendak komuniti setempat.

## MISI

Satu kelompok hospital yang bersama-sama:

1. Komited dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh dan berkualiti dengan kos yang berpatutan melalui perkhidmatan yang disepadukan berdasarkan keperluan dan kehendak komuniti setempat bagi meningkatkan kemudahan mendapatkan rawatan yang lebih saksama.
2. Komited kepada falsafah perkongsian organisasi melalui pembentukan budaya korporat dan penjenamaan organisasi serta pelaksanaan perkongsian nilai-nilai yang membentuk kejayaan ke arah visi yang seragam.
3. Komited dalam melaksanakan penggunaan tenaga kerja kesihatan yang lebih adil dan saksama di dalam kluster serta pembentukan tenaga kerja yang terlatih, cekap, berintegriti dan komited dalam melaksanakan visi organisasi.
4. Pengurusan dan pentadbiran Hospital Kluster akan turut difokuskan kepada keperluan komuniti setempat serta pencapaian matlamat bersama. Dalam waktu yang sama, hospital-hospital akan melaksanakan perkhidmatan berdasarkan keperluan pesakit secara individu. Keduanya digabungkan bagi meningkatkan kualiti, kesamarataan dan keterangkuman rakyat untuk mendapatkan kemudahan perkhidmatan rawatan kesihatan.



DR HJH. NOR AZLINA BT. ABDUL AZIZ, S.A.P  
MBBS (Malaya)  
(No. Pendaftaran Penuh MPM: 33602)  
Pengarah Hospital  
Hospital Sultan Haji Ahmad Shah  
Temerloh, Pahang Darul Makmur

3/4/24